

18/11/1998

Habibie jamin eratkan hubungan

PRESIDEN BJ Habibie hari ini memberi jaminan kepada Malaysia bahawa Indonesia akan terus memberi tumpuan kepada mengeratkan hubungan dua hala.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Habibie melihat hubungan dua hala antara kedua-dua negara sekarang sebagai amat penting dan perlu diperkukuhkan.

Habibie menyatakan ini semasa pertemuan dua hala dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tengah hari tadi sebelum persidangan kemuncak Apec bermula.

Abdullah berkata, Dr Mahathir menyambut baik hasrat pemimpin Indonesia itu yang kini menghadapi rusuhan anti-kerajaan yang mengakibatkan 14 pelajar terkorban dalam rusuhan hujung minggu lalu.

Menurutnya, Dr Mahathir juga berpendapat kerjasama Malaysia-Indonesia itu akan meliputi pelbagai bidang ekonomi disamping berkongsi pengalaman berkaitan cara masing-masing menangani isu kegawatan ekonomi dan krisis kewangan yang melanda Asia sejak tahun lalu.

Habibie yang tiba di ibu negara pagi tadi dijangka terbang pulang ke Jakarta malam ini selepas menghadiri majlis jamuan malam yang diberikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Mandarin Oriental.

(END)